



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERBAHAGIA
DATO' DR SYED OMAR SHARIFUDDIN BIN SYED IKHSAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI
KEMENTERIAN KERJA RAYA 2019**

PADA 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

**BERTEMPAT DI PUSAT KECEMERLANGAN
KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI JKR (CREATE)**

PENDAHULUAN

Assalamualaikum dan Salam Sayangi Malaysiaku

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, selamat pagi,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya maka kita dapat bersama-sama hadir untuk menjayakan sambutan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya dan Agensi bagi tahun 2019 yang diadakan pada hari ini.
2. Saya juga dengan berbesar hati ingin menzahirkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana telah menjemput saya untuk mewakili Menteri Kerja Raya untuk merasmikan majlis pada hari ini.
3. Untuk makluman anda semua, penganjuran sambutan Hari Inovasi ini merupakan komitmen dan inisiatif murni Kementerian Kerja Raya dan agensi-agensi di bawah Kementerian bagi menyemai dan memperkasakan budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga kerja kementerian dan juga agensi.
4. Sambutan Hari Inovasi ini juga adalah bertujuan untuk memberi pengiktirafan serta penghargaan kepada mereka yang berjaya menghasilkan inovasi yang signifikan serta memberi impak yang besar kepada perkembangan dan kemajuan organisasi termasuk dari segi aspek teknikal demi menghasilkan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

TEMA: “WARGA INOVATIF, ORGANISASI PRODUKTIF”.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. “Warga Inovatif, Organisasi Produktif” itulah tema ini yang telah dipilih untuk kali ini. Tema ini dipilih melambangkan komitmen Kementerian Kerja Raya dan agensi selaras dengan usaha kerajaan untuk melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam secara berterusan.
6. Ingin saya rungaikan di sini maksud inovasi itu sendiri. Inovasi ialah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Ini akan terhasil daripada cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.

7. Jika dilihat dari perspektif pencapaian negara di peringkat antarabangsa menerusi Laporan Indeks Inovasi Global 2019, Malaysia berjaya mengekalkan pencapaian di kedudukan ke tiga puluh lima (35) daripada seratus dua puluh sembilan (129) negara.
8. Kedudukan Malaysia meningkat bagi empat (4) daripada tujuh (7) tonggak Indeks Inovasi Global iaitu institusi (ke-40), infrastruktur (ke-42), sofistikasi perniagaan (ke-36) dan keluaran kreatif (ke-44), menurut kenyataan bersama dikeluarkan INSEAD, Pertubuhan Hartanah Intelekt Dunia (WIPO) dan Cornell University.
9. Pencapaian ini boleh dibanggakan dan kita perlu kekal kompetitif dan berdaya saing melalui pemikiran secara kreatif dan inovatif iaitu *“thinking out of the box”*.
10. Kita perlu melipatgandakan usaha bagi mencipta pelbagai lagi cetusan idea yang berinovatif dalam sistem penyampaian perkhidmatan seiring dengan arus globalisasi yang pesat berkembang dewasa ini.

PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI DI KKR DAN JUGA AGENSI


Para hadirin sekalian,

11. Pertandingan Anugerah Inovasi turut dianjurkan bersempena majlis sambutan Hari Inovasi pada hari ini. Antara kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:
 - i. Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat
 - ii. Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan
 - iii. Anugerah Inovasi ICT
12. Agensi – agensi di bawah Kementerian juga tidak terkecuali dalam menganjurkan pertandingan – pertandingan bersempena Hari Inovasi di agensi masing – masing.
13. Jabatan Kerja Raya Malaysia telah mengadakan Anugerah Inovasi JKR bagi memberi pengiktirafan kepada warga kerja dan pasukan projek JKR yang mempunyai prestasi yang cemerlang dan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan kualiti kerja.

14. Terdapat empat (4) kategori yang dipertandingkan iaitu:
 - i. Anugerah inovasi JKR daerah terbaik
 - ii. Anugerah inovasi pengurusan pejabat terbaik
 - iii. Anugerah inovasi pengurusan pembinaan terbaik bagi projek diantara RM500 ribu sehingga RM20 juta
 - iv. Anugerah inovasi pengurusan pembinaan terbaik bagi projek melebihi RM20 juta
15. Bagi Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JKR 2019 menampilkan sejumlah sepuluh (10) kumpulan yang telah membentangkan hasil produk inovasi masing-masing pada hari ini, di mana lima (5) kumpulan adalah di bawah Kategori Teknikal manakala baki lima (5) kumpulan di bawah Kategori Pengurusan.
16. Bagi Lembaga Lebuhraya Malaysia pula, Program Pembudayaan Inovasi LLM telah diadakan pada 26 September 2019 yang lalu. Ini juga adalah usaha yang sama untuk memberi pendedahan kepada warga LLM mengenai kepentingan inovasi. Pelbagai aktiviti telah diadakan sewaktu majlis ini di antaranya:
 - i. Pameran daripada kumpulan KIK
 - ii. Kuiz inovasi
 - iii. Pertandingan KIK LLM
 - iv. Majlis penyampaian sijil ISO 37001:2012 (Sistem Pengurusan *Anti-Bribery*)
17. Seperti yang kita semua sedia maklum, perkhidmatan pelanggan merupakan bahagian penting dalam sesebuah organisasi. Sehubungan itu, CIDB pula telah mengambil inisiatif mengadakan Anugerah Audit Terbaik Bagi memberi pengiktirafan kepada Pejabat Negeri yang telah mempamerkan kecemerlangan dalam melaksanakan tugasannya.
18. Tujuan anugerah ini adalah untuk meningkatkan imej CIDB sebagai organisasi dan badan berkanun yang sentiasa memastikan tahap perkhidmatan pelanggan yang cemerlang.
19. Anugerah ini diwujudkan berdasarkan "self-auditing" dan pemeriksaan mengejut yang telah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai pemeriksaan ke semua Pejabat Negeri dan Cawangan CIDB.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

20. Inovasi bukan sahaja berperanan sebagai langkah kreatif untuk menyelesaikan masalah, malah cetusan idea yang kreatif dan inovatif mampu melonjakkan pencapaian sesebuah negara ke tahap yang lebih cemerlang dan terus kekal berdaya saing dan relevan dalam arus kepesatan globalisasi.
21. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengingatkan seluruh warga Kerja Raya agar tidak jemu untuk terus berinovasi dan mencari idea-idea baru dalam menyampaikan perkhidmatan dengan lebih baik.
22. Saya amat berbangga di atas komitmen yang ditunjukkan oleh semua warga Kerja Raya dalam meningkat kualiti penyampaian perkhidmatan menerusi inovasi – inovasi yang dilaksanakan.
23. Akhir kata, dengan lafaz  saya mewakili Menteri Kerja Raya merasmikan majlis sambutan Hari Inovasi Kementerian Kerja Raya dan Agensi 2019 pada hari ini.

Sekian terima kasih.